

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018

PERNIAGAAN

Kertas 2

Nov/Dis.

2 ¼ jam

3766/2

Dua jam lima belas minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B** dan **Bahagian C**.*
2. *Jawab **lima** soalan di **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib dalam **Bahagian C**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendak diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
7. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 7 halaman bercetak dan 1 halamam tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**Bahagian A**


[50 markah]

*Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.*

- 1 (a) Huraikan tujuan perniagaan. [3 markah]
- (b) Jelaskan maksud 'Berhad' dalam pemilikan perkongsian berhad. [3 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu bentuk pemilikan perniagaan.

Nama Perniagaan	: Perusahaan Mercu Sendirian Berhad
Alamat	: No 86, Lot Perindustrian Telok Panglima Garang, Klang, Selangor
Jualan Tahun 2017	: RM40 juta
Bilangan Pekerja Tetap	: 75 orang
Bilangan Pekerja Sambilan	: 100 orang
Aktiviti Pasaran	: Pembuatan perabot daripada kayu getah untuk pasaran tempatan

- (i) Apakah kelebihan bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [2 markah]
- (ii) Jelaskan tindakan yang perlu dilakukan oleh Perusahaan Mercu Sendirian Berhad untuk menembusi pasaran antarabangsa. [2 markah]
- 2 (a) Jelaskan jenis-jenis pengangguran berikut;
- (i) Pengangguran bermusim [2 markah]
- (ii) Pengangguran kitaran [2 markah]
- (b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi pengangguran di 2(a)(i)? [2 markah]
- (c) Rajah 1 menunjukkan carta organisasi satu bahagian fungsian syarikat OSR Berhad yang menghasilkan pasu hiasan.



Rajah 1


Mengapakah bahagian fungsian tersebut penting kepada syarikat OSR Berhad?

[4 markah]

3 (a) Jelaskan tujuan sesebuah perniagaan menetapkan perkara berikut:

- (i) Visi [2 markah]  
 (ii) Misi [2 markah]  
 (iii) Objektif [2 markah]

(b) Rajah 2 menunjukkan peranan bahagian fungsian pengeluaran burger.



Rajah 2

- (i) Apakah input X? [1 markah] [1 markah]  
 (ii) Bagaimanakah pengurus bahagian dapat mengawal input di 3(b)(i) untuk menghasilkan output yang menepati cita rasa pelanggan? [3 markah]

4 (a) Mengapakah pengurusan sumber teknologi amat diperlukan dalam menjalankan operasi sesebuah perniagaan? [3 markah]


(b) Jelaskan kepentingan penyata kewangan syarikat kepada kerajaan. [3 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis pembiayaan.

Syarikat Percetakan Global menghadapi masalah kekurangan tiga buah mesin yang bernilai RM75 000 untuk menyiapkan cetakan majalah dengan segera. Pihak syarikat mempertimbangkan untuk membeli mesin tersebut secara tunai atau memajak daripada syarikat pajakan.

Apakah jenis pembiayaan yang sesuai dipilih syarikat tersebut?  
 Beri alasan berdasarkan kelebihan jenis pembiayaan yang dipilih. [4 markah]

- 5 (a) Huraikan kelebihan bemiaga sebagai satu peluang kerjaya. [3 markah]
- (b) Mengapakah penyata bank penting kepada peniaga? [3 markah]
- (c) Rajah 3 menunjukkan titik pulang modal Warisan Dodol Melayu yang beroperasi di Kuala Ibai, Terengganu.



Rajah 3

- (i) Apakah Y? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kesan kepada Warisan Dodol Melayu sekiranya pengeluaran dodol berada di kawasan berlorek. [3 markah]
- 6 (a) Jelaskan kekuatan diri yang perlu dimiliki oleh seorang usahawan. [3 markah]
- (b) Jelaskan ciri-ciri fizikal sesuatu produk yang menarik perhatian pembeli. [3 markah]
- (c) Gambar 1 menunjukkan sejenis barang yang diiklankan di media elektronik.

**DAPATKAN DI CAWANGAN CBON BERDEKATAN**

<p>Mesin basuh automatik Mesra pengguna Teknologi nano</p>		<p>Diskaun 20% <del>RM1000</del> RM800</p> <p>Diskaun 20% Jaminan 5 tahun Ansuran mudah Penghantaran percuma</p>
--	---	--

Gambar 1

- Terangkan **dua** elemen campuran pemasaran yang terlibat bagi pemasaran barang tersebut. [4 markah]

**Bahagian B**

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Fatyha.

Puan Fatyha menguruskan perniagaan Happy Home yang menawarkan perkhidmatan dekorasi dalaman untuk premis kediaman dan premis perniagaan. Maklumat perniagaannya adalah seperti berikut:

- Menyediakan perkhidmatan terus kepada pelanggan
- Dijalankan sepenuhnya secara atas talian tanpa premis perniagaan
- Dibantu oleh lima orang pekerja

Seorang rakannya, Puan Murni menawarkan diri untuk menjadi rakan kongsi tetapi Puan Fatyha menolak. Dia lebih selesa dengan bentuk pemilikan perniagaan sedia ada.

- (a) Anda berpendapat cara Puan Fatyha mengendalikan perniagaannya adalah bijak. Kemukakan alasan anda. [8 markah]
- (b) Mengapakah Puan Fatyha menolak tawaran Puan Murni? [7 markah]

8 Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik daripada penyata kewangan dua buah perniagaan kedai buku bagi tempoh enam bulan pertama.

Butiran	Dynamic Book Store (RM)	D'Buku Enterprise (RM)
Kos jualan	40000	60000
Untung bersih	25 000	45 000
Modal awal	100000	150000
Aset semasa	25000	50000
Liabiliti semasa	20000	25000
Stok purata	12000	15 000

Jadual 1

- (a) Perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang lebih baik dengan menggunakan analisis nisbah asas? Kemukakan bukti anda. [6 markah]
- (b) Bagaimanakah penambahbaikan dapat dilakukan terhadap operasi perniagaan yang berprestasi rendah? [9 markah]

9 Situasi di bawah berkaitan dengan faktor memulakan perniagaan.

Setelah menamatkan persekolahan Suzie ingin memulakan perniagaan nasi lemak secara atas talian. Namun begitu dia belum berani untuk memulakan perniagaan tersebut.

- (a) Huraikan faktor penyumbang yang dapat membantu Suzie memulakan perniagaan tersebut. [6 markah]

- (b) Untuk menubuhkan perniagaan, Suzie perlu mematuhi akta dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Jelaskan akta dan peraturan tersebut serta implikasinya terhadap perniagaan Suzie.

[9 markah]


### Bahagian C

[20 markah]


*Soalan ini wajib dijawab.*

- 10 Lia Layer Enterprise (LLE) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2015 oleh Encik Buhari dan beroperasi di sebuah bangunan yang dibeli secara sewa beli di Johor Bahru. Beliau dibantu oleh 10 orang pekerja tetap yang tinggal di kawasan berhampiran premis perniagaannya.

Perniagaan LLE menjual kek sejuk beku dengan menggunakan jenama Kek Twister Lia (KTL). KTL terdiri daripada kek pelbagai perisa seperti pandan, strawberi, durian, harumanis dan coklat. Selain membuat jualan di premis, Encik Buhari menggunakan *facebook* dan *instagram* untuk mempromosikan produknya. Beliau juga bersedia menerima tempahan secara atas talian untuk majlis perkahwinan, cenderamata, hari jadi dan hantaran perkahwinan. Produk tersebut didatangkan dalam satu bentuk pembungkusan sahaja seperti berikut:



Selepas tiga tahun beroperasi adiknya, Encik Azam menyertai perniagaan tersebut sebagai rakan kongsi. Namun begitu dia membuat keputusan untuk menyumbangkan modal sahaja. Mereka bersetuju menukar nama perniagaan kepada Lia Layer Bersaudara (LLB). Berikut menunjukkan graf target jualan dan jualan sebenar bagi perniagaan LLE.



Encik Buhari mengambil perhatian serius terhadap masalah yang dihadapinya. Dengan tambahan modal yang diperoleh, beliau membuat kajian untuk menambah baik perniagaan LLB. Beliau mendapati bukan sahaja strategi pemasaran dan jualan perlu ditingkatkan bahkan terdapat tindakan lain yang perlu dilakukan bagi memastikan target jualan pada tahun 2018 mencapai sasarannya.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

(a) Terangkan klasifikasi perniagaan Lia Layer Enterprise (LLE). [4 markah]

(b) Bersetujukah anda dengan cara pembungkusan yang digunakan oleh LLE?

Beri alasan anda.

(c) Mengapakah Encik Azam membuat keputusan sedemikian? [5 markah]

(d) Apakah trend perniagaan LLE bagi tempoh tiga tahun tersebut? [2 markah]

Beri alasan anda.

(e) Jelaskan tindakan lain yang dimaksudkan oleh Encik Buhari bagi mencapai target jualan pada tahun 2018. [5 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**